

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIN
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [
BUKIT KATIL]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan serta berapakah jumlah hutang yang telah dilangsaikan oleh Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan setakat tahun kewangan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Baki Belum Selesai bagi pinjaman Kerajaan Negeri Melaka kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2016 adalah berjumlah sebanyak

RM959,471,022.45. Jumlah ini meliputi kategori pinjaman projek Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Pelbagai. Kerajaan Negeri Melaka telah membuat bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM138,568,562.99 sehingga 31 Disember 2016.